

31/01/1998

Tiada hasrat bawa pulang pelajar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan tidak berhasrat membawa pulang pelajar Malaysia yang kini menuntut di luar negara, melainkan mereka mendapat tempat di kolej atau institusi pengajian tinggi tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata proses membawa pulang pelajar akan dibuat berdasarkan kemampuan institusi pengajian tinggi awam dan swasta memenuhi permintaan akademik mereka.

"Kita tidak akan membawa mereka balik melainkan ada tempat bagi mereka dalam negara. Tetapi bagi penuntut persendirian, terpulang kepada kemampuan mereka dan apa yang mereka ingin buat," katanya di majlis rumah terbuka Aidilfitri di Sri Perdana, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas keengganan beberapa penuntut Malaysia di luar negara untuk meneruskan pengajian mereka di negara ini kerana alasan tertentu.

Dr Mahathir berkata, penuntut Malaysia bukannya tidak mahu pulang untuk meneruskan pengajian mereka, tetapi mereka harus memastikan supaya kursus yang sedang diikuti ditawarkan di Malaysia.

"Tetapi hakikatnya ialah kalau kita belajar di luar negeri, wang kita akan mengalir ke luar negeri dan ini akhirnya akan menjadi masalah kepada negara," katanya.

Berdasarkan statistik Mara, 2,300 pelajar akan menamatkan pelajaran tahun ini dan hanya 130 pelajar dihantar ke luar negara untuk sesi 1998. Pada masa ini, ada hampir 4,200 pelajar Malaysia di luar negara.

Kajian Mara mendapati kos pembiayaan setiap pelajar luar negara meningkat 80 peratus kepada RM70,000 setahun daripada RM45,000 sebelum ini, manakala pelajar tempatan hanya memerlukan RM6,000 seorang setahun.

(END)